

09 NOV 1997

KEMENANGAN BN HADIAH KEPADA DR MAHATHIR, KATA ZAHID

KANGAR, 9 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan kemenangan dua calon Barisan Nasional pada pilihan raya kecil kawasan dewan undangan negeri Changkat Jering, Perak dan Sungai Bakap, Pulau Pinang semalam sebagai hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata kemenangan itu bukan sahaja membuktikan sokongan padu rakyat kepada Dr Mahathir malah menolak dakwaan media asing kononnya sokongan rakyat terhadap Perdana Menteri kian luntur.

"Kemenangan di Changkat Jering dan Sungai Bakap membuktikan tuduhan media asing terhadap Dr Mahathir ternyata silap," katanya sebagai mengulas kemenangan itu di sini hari ini.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim pula berkata kemenangan itu menunjukkan rakyat mampu menilai parti mana yang seharusnya diberi kepercayaan untuk mentadbir negara ke era kecemerlangan.

Pada pilihan raya kecil di Changkat Jering, calon BN, Mat Isa Ismail menewaskan seorang calon PAS manakala di Sungai Bakap calon BN Lai Chew Hock menang dengan menewaskan seorang calon DAP dan seorang calon Bebas. --
BERNAMA

RIS MAI